

**SILAT**

# Sabah hantar

- 3 NOV 1988

**15 peserta**, Harian (M)

SABAH menghantar 15 peserta dalam acara seni silat ke Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) bermula 12-19 November ini, di Kuala Lumpur.

Setiausaha Agung Persatuan Seni Silat Sabah, Mohd Syum Abdul Majid, berkata pasukan itu terdiri daripada sepuluh peserta lelaki dan lima wanita.

Beliau berkata, kesemua mereka yang dipilih kini giat menjalani latihan pesat di Menggatal, dekat Kota Kinabalu bawah pengawasan jurulatih Sawat Lapok.

Katanya, mereka yang dipilih itu adalah berdasarkan pencapaian cemerlang semasa latihan dan ujian yang dijalankan oleh pihak persatuan baru-baru ini.

"Kami mahu membentuk satu pasukan silat yang bermutu dan bermaruah sebagai persiapan menjelang kejohanan itu.

"Berdasarkan corak latihan dan kesungguhan mereka, saya yakin mereka boleh memberi tentangan sengit kepada setiap pencabar di kejohanan itu," katanya. Mohd Syum berkata, mereka yang dipilih mula menjalani latihan sejak 20 Oktober lalu.